

PENGHASILAN RANGKA TINDAKAN YANG KOMPREHENSIF
PERLAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SECARA
KOPERATIF DALAM KOMUNITI: AKTIVITI PELANCONGAN
BUDAYA DALAM PROGRAM HOMESTAY

IRDAYANI HJ. MOHD.YUSOF

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

Mac 2003

Ku dedikasikan penulisan ini buat,
Ayah dan Emak serta Adik-adik yang disayangi.....
Kasih mu ku bawa ke sini, sayang mu ku ingat sekalu,
dorongan mu ku berada di sini,doa mu kan ku bawa ke mana
sahaja ku pergi.....

Amar,penulisan ini seperti mu juar, merangkak,berjalan dan
terus berlari.....
(anak saudara ku yang menjadi saksi setiap baris dalam penulisan ini)



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, Pemurah lagi Maha Penyayang.

Syukur alhamdulillah yang tidak terhingga kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya maka terhasillah penulisan ini.

Ucapan jutaan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Tuan Haji Sapon bin Ibrahim pembimbing juga pencetus idea bagi kajian ini yang tidak jemu membantu dan memberikan panduan serta tunjuk ajar.

Ucapan terima kasih tidak terhingga ini juga ditujukan buat semua pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional yang banyak membantu dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ini ditujukan buat semua staf pentadbiran dan teknikal Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional di atas kerjasama yang diberikan di sepanjang proses kajian ini dilaksanakan sehingga ke akhirnya.

Sekalung budi dan penghargaan juga ditujukan kepada fasilitator-fasilitator Program Sukarelawan Sains dan Teknologi serta keluarga angkat di Parit Jawa, Muar Johor. Tidak dilupai juga ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang telah banyak membantu yang telah memungkinkan kajian ini dilaksanakan dengan jaya.

*Bercita-cita setinggi langit demi mencapai potensi yang tersembunyi itu,
Berimpi-impi untuk sesuatu cemerlang kerana kejayaan selalu didahului impian.*

ABSTRAK

Pembelajaran secara koperatif adalah satu kaedah kemahiran belajar yang menarik dan berkesan dalam meningkatkan prestasi pelajar terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Kaedah belajar secara berkumpulan terbimbing di mana pelajar belajar dalam satu pasukan, saling berinteraksi dan menyelesaikan masalah bersama-sama. Kajian ini adalah untuk menghasilkan satu rangka kerja yang komprehensif perlaksanaan program pembelajaran secara koperatif dalam komuniti. Tumpuan bagi penghasilan rangka tindakan ini adalah kepada peranan dan tanggungjawab AJK program dalam melaksanakan program pembelajaran secara koperatif dalam komuniti. Untuk tujuan itu, kajian telah dibuat ke atas 35 orang Pelajar Sarjana PTV Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn yang juga sebagai fasilitator program, yang telah dijalankan di kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Balang. Program percubaan telah dijalankan dan sehingga kini masih lagi diteruskan. Kajian ini juga bertujuan untuk memberikan garis panduan kepada perlaksanaan aktiviti pelancongan budaya dalam program homestay yang terdapat di Mukim Sungai Balang,Kampung Sarang Buaya. Panduan ini juga adalah penting dalam usaha untuk menggalakkan projek pelancongan di negeri Johor. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa daripada perspektif fasilitator peranan-peranan dan tanggungjawab –tanggungjawab Ahli Jawatankuasa program yang terlibat telah dapat dilaksanakan Purata skor min sebanyak 3.4 menunjukkan kesemua fasilitator bersetuju perlaksanaan program telah dapat dilakukan dan disempurnakan dengan baik.

ABSTRACT

Cooperative learning is one of the most widespread and fruitful areas of the theory, research and practice in education. This method of learning allowed students to interact with each other and as a problem-solving center. This case study is to improve and produce the comprehensive blueprint on the implementation of the cooperative learning program in community. The blueprint is useful to interested parties in implementing the program. The program held in Sungai Balang district and still in trial. The study had been conducted to the thirty-five students in Master of Technique and Vocational Education program, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. The students are act as a facilitator to the program. The purpose of the study is to support the tourism growth in State of Johore where the district currently conducting the home stay program. This blueprint is purposely to guide in implanting the program as a tourism activity. The result shows that the tasks and duties of the committee member had been successfully carried out. The cumulative mean score are 3.4 points, which shows that the respondents agreed that the tasks and duties of the committee member had been implement completely.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|--------------|--|---------------|
| | HALAMAN JUDUL | i |
| | PENGAKUAN PENYELIDIK | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xii |
| | SENARAI RAJAH | xiii |
| | SENARAI SINGKATAN | xiv |
| | SENARAI LAMPIRAN | xv |
| BAB 1 | PENGENALAN | |
| 1.1 | Latar belakang Kajian | 1 |
| 1.1.1 | Latar belakang Program Sukarelawan Sains dan Teknologi | 3 |
| 1.1.2 | Aktiviti Pelancongan-Program Homestay | 5 |
| 1.2 | Penyataan Masalah | 6 |
| 1.3 | Matlamat Kajian | 7 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 7 |
| 1.5 | Persoalan Kajian | 8 |

| | | |
|------|----------------------------------|----|
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.7 | Skop Kajian | 9 |
| 1.8 | Batasan Kajian | 10 |
| 1.9 | Kerangka Teori | 11 |
| 1.10 | Pengistilahan dan Takrif Operasi | 14 |

BAB II KAJIAN LITERATUR

| | | |
|-----|---|----|
| 2.0 | Pengenalan | 16 |
| 2.1 | Pembelajaran Koperatif | 18 |
| | 2.1.1 Keberkesanan Pembelajaran Secara Koperatif | |
| 2.2 | Komuniti | 20 |
| 2.3 | Pembelajaran Koperatif Dalam Komuniti | 21 |
| 2.4 | Program Homestay | 22 |

BAB III METODOLOGI

| | | |
|-----|-------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 25 |
| 3.2 | Sumber-sumber Data | 26 |
| 3.3 | Reka bentuk Kajian | 27 |
| 3.4 | Populasi Kajian | 27 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 27 |
| | 3.5.1 Set Borang Soal Selidik | |
| 3.6 | Kajian Rintis | 29 |
| 3.7 | Prosedur Mengumpul Data | 30 |
| 3.8 | Prosedur Analisis Data | 32 |

BAB IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

| | | |
|-------|---|----|
| 4.1 | Pengenalan | 33 |
| 4.2 | Latar belakang Teori Penghasilan Produk | 34 |
| 4.3 | Reka Bentuk Produk | |
| 4.3.1 | Kronologi Pembinaan Produk | 34 |
| 4.3.2 | Permasalahan Dalam Membina Produk | 35 |
| 4.3.3 | Bahan, Kos dan Masa Pembinaan Produk | 36 |
| 4.3.4 | Dokumentasi Produk | 36 |
| 4.4 | Penilaian Produk | 37 |

BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|--|----|
| 5.1 | Pendahuluan | 38 |
| 5.2 | Kaedah Analisis Data | 39 |
| 5.3 | Keputusan Soal Selidik | 39 |
| 5.3.1 | Data Demo grafik Responden | 40 |
| 5.3.2 | Analisis Bahagian B: Perlaksanaan Program Berdasarkan Peranan dan Tanggungjawab | 42 |
| 5.3.3 | Analisis Bahagian C: Pandangan dan Cadangan Untuk Aktiviti Pelancongan Budaya | 51 |

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | | |
|-------|-----------------------------|----|
| 6.0 | Pengenalan | 55 |
| 6.1 | Perbincangan | 56 |
| 6.1.1 | Set Soal Selidik Bahagian B | 56 |
| 6.1.2 | Set Soal Selidik Bahagian C | 58 |

| | | |
|-----------------|---|----|
| 6.2 | Kesimpulan | 59 |
| 6.3 | Cadangan | 62 |
| 6.3.1 | Cadangan kepada perlaksanaan program Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Komuniti Yang Komprehensif | 62 |
| 6.3.2 | Cadangan untuk perlaksanaan program Sebagai aktiviti pelancongan budaya Dalam program homestay | 66 |
| 6.3.3 | Cadangan untuk kajian lanjutan | 67 |
| RUJUKAN | | 68 |
| LAMPIRAN | | |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|--|------------|
| 3.1 | Skala Likert Yang Digunakan Dalam Bahagian B Set Soal Selidik | 25 |
| 4.1 | Kos Pembiayaan Projek | 33 |
| 5.1.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 40 |
| 5.1.2 | Taburan Responden Mengikut Semester Pengajian | 41 |
| 5.1.3 | Taburan Responden Mengikut Kekerapan Menghadiri Program | 41 |
| 5.3.1 | Tafsiran Skor Min | 42 |
| 5.3.2 | Taburan Kekerapan, Peratusan dan Skor Min Responden | 43 |
| 5.3.3 | Peratusan Keputusan Responden Mengenai Kesesuaian Program Sebagai Aktiviti Pelancongan Budaya | 50 |
| 5.3.4 | Taburan Responden Mengikut Cadangan | 51 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|--|-------------------|
| 1.0 | Interaksi Pelajar dan Pendidik/Pensyarah Dalam Kaedah Kelas | 11 |
| 2.0 | Interaksi Dalam Kaedah Pembelajaran Secara Koperatif | 12 |
| 3.0 | Pemboleh ubah-pemboloh ubah Kajian | 13 |
| 4.0 | Proses Pengumpulan Data Kajian | 28 |



SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK |
|-----------------|--|
| A | Set Soal Selidik Pertama |
| B | Jadual Frekuensi, Peratusan dan skor min SPSS |
| C | Analisis berjadual Alpha Conbranch SPSS |
| D | Buku Rangka Tindakan Penghasilan Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Komuniti- Produk kajian |



BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan dan efektif adalah aspek penting dalam proses pembangunan negara dalam meningkatkan bakat, kemahiran, kekreatifan dan semangat bangsa. Lebih-lebih lagi dalam menghadapi pelbagai perubahan dan pembaharuan yang sedang berlaku sekarang ini di dalam era ledakan teknologi maklumat yang tiada batasannya sekarang. Di dalam pengurusan strategik, sekolah merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan pelajar yang berketerampilan, cemerlang, kreatif dan inovatif. Oleh yang demikian, proses P&P adalah penting sebagai perantaraan dalam mencapai matlamat ini iaitu menghasilkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi sejajar dengan misi pendidikan teknik dan vokasional.

Terdapat berbagai kaedah P & P yang boleh diaplikasikan. Di antaranya ialah pembelajaran koperatif atau pembelajaran berkumpulan terbimbing. Menurut Lihanna Borhan (2001) Pembelajaran koperatif atau pembelajaran berkumpulan terbimbing adalah merupakan pembelajaran dalam kumpulan. Secara dasarnya, pembelajaran koperatif melibatkan pelajar bekerja sama dalam mencapai satu-satu objektif pembelajaran. Selain dari itu, secara umumnya di sini ialah pelajar ditempatkan dalam kumpulan kecil, objektif gerak kerja memandu aktiviti kumpulan, interaksi

sosial ditekankan dan pelajar perlu saling bergantung untuk mencapai objektif gerak kerja.

Pelajar sekarang ini lebih aktif dan sukaan suasana P &P yang bergerak, seronok dan dapat menarik minat mereka untuk mengetahui apa yang dipelajari. Kaedah pembelajaran koperatif ini memerlukan pelajar bergerak dan memainkan peranan di mana pendidik bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing.

Bagi memenuhi keperluan dalam dunia pendidikan menjelang wawasan 2020 dan hasrat negara untuk menghasilkan generasi yang berteraskan sains dan teknologi, perbagai usaha telah dilakukan. Di antaranya ialah Program Sukarelawan Sains dan Teknologi di bawah anjuran Kerajaan Negeri Johor dengan kerja sama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Program yang di dalam peringkat percubaan ini bermatlamatkan pencapaian akademik pelajar iaitu enam puluh peratus dalam jurusan sains dan empat puluh peratus pelajar dapat memenuhi keperluan sektor pekerjaan berteraskan sains dan teknologi tinggi. Sasaran bagi program ini ialah pelajar yang akan menghadapi peperiksaan-peperiksaan, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Balang, Muar Johor telah dipilih sebagai lokasi permulaan bagi program yang di peringkat pertama ini. Berbagai peringkat dan lapisan masyarakat telah turut terlibat sama dalam program ini.

Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam mempersiapkan bangsa Malaysia yang mampu mengungguli dan berketerampilan dalam Sains dan Teknologi di peringkat dunia.

1.1.1 Latarbelakang Program Sukarelawan Sains dan Teknologi

Program Sukarelawan Sains dan Teknologi (PKDK) ini adalah salah satu daripada Program Kerja Sama KUiTTHO dengan Kerajaan Negeri Johor. Program yang berbentuk motivasi dan bengkel ini menggunakan kaedah pembelajaran koperatif. Sasaran bagi program ini ialah pelajar tahun lima, tingkatan dua dan tingkatan empat dalam DUN Sungai Balang. Terdapat tiga mukim di kawasan ini iaitu Sungai Balang, Seri Menanti dan Parit Jawa.

Pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan KUiTTHO telah dipilih sebagai fasilitator bagi proram ini. Sepanjang program ini berlangsung iaitu selama dua hari, tiga malam pada setiap minggu, fasilitator-fasilitator ini ditempatkan di rumah keluarga-keluarga angkat yang telah ditetapkan. Selain daripada dapat membimbing dan membantu anak-anak di kawasan tersebut, program ini juga sebagai latihan kepada fasilitator yang akan berkhidmat dalam kelompok masyarakat suatu ketika nanti.

Program ini berlangsung pada hari Sabtu dan Ahad. Di peringkat permulaan ini program berlangsung selama lima minggu iaitu dari 9 Ogos 2002 hingga 13 September 2002. Memandangkan program ini adalah berbentuk pembelajaran koperatif dalam komuniti, perjumpaan telah diadakan di setiap rumah ketua kampung dalam mukim tersebut. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan ialah pintar matematik, *communication skill*, *reading skill*, dan aplikasi sains dan teknologi.

Antara strategi perlaksanaan program ialah membentuk organisasi Kesukarelawan Sains dan Teknologi DUN Sungai Balang, membina organisasi jawatankuasa peringkat mukim, serta mengadakan bengkel kefahaman dan penerangan perlaksanaan peringkat DUN dan perlaksanaannya di peringkat kampung. Dalam mencapai strategi-strategi tersebut beberapa peranan dan tanggung jawab telah disenaraikan untuk tindakan pihak-pihak yang terlibat.

Dalam melaksanakan pembelajaran secara koperatif ini dalam masyarakat, banyak perkara yang perlu di ambil kira. Ini bukan sahaja melibatkan pelajar, dan fasilitator malah juga penduduk kampung atau kawasan tersebut. Secara tidak langsung penduduk di kawasan tersebut juga turut sama terlibat.

Peranan fasilitator juga adalah penting. Mereka adalah agen penggerak bagi kaedah pembelajaran secara koperatif ini. Ini memerlukan pemahaman yang mendalam yang perlu diketahui oleh pembimbing atau fasilitator yang bertindak sebagai penggerak bagi pembelajaran koperatif.

Pelajar adalah fokus utama dalam kaedah pembelajaran ini. Dalam mencapai hasrat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdasarkan Sains dan Teknologi, merekalah yang menjadi tonggak kepada matlamat tersebut. Dalam merealisasikan matlamat ini, pelbagai usaha telah dilakukan. Salah satu ialah Program Sukarelawan Sains dan Teknologi yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kerja sama dari pihak KUiTTHO, di mana matlamat program ini ialah untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sains, matematik dan Bahasa Inggeris.

Pendekatan yang digunakan ialah melalui pembelajaran secara koperatif atau pembelajaran kumpulan terbimbing. Pihak KUiTTHO bertindak sebagai menyediakan modul dan fasilitator bagi program ini dan segala pengurusan dan pentadbiran bagi program ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Johor sendiri.

Memandangkan program ini adalah masih lagi di peringkat awal dan dalam tempoh percubaan, pelbagai kajian perlu dilakukan supaya program ini menjadi lebih mantap. Program Sukarelawan Sains dan Teknologi yang bertujuan untuk meningkat pencapaian akademik para khususnya dalam mata pelajaran sains dan matematik. Adalah amat penting kajian ini dilakukan di peringkat awal ini supaya program seterusnya dapat dijalankan dengan lebih sempurna.

Dalam menjayakan program ini, banyak pihak turut terlibat selain daripada Kerajaan Negeri Johor dan KUiTTHO. Antaranya ialah badan-badan swasta, badan profesional, badan bukan kerajaan, dan pertubuhan yang lain. Peranan dan tanggungjawab mereka telah ditetapkan dan diberikan berdasarkan kepentingan dan kepakaran masing-masing.

Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk menghasilkan satu rangka tindakan mengenai peranan dan tanggungjawab yang komprehensif untuk pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan Program Sukarelawan Sains dan Teknologi anjuran Kerajaan Negeri Johor dan kerja sama KUiTTHO. Di samping itu juga program ini juga dicadangkan sebagai satu aktiviti pelancongan yang menarik dalam program *homestay*.

1.1.2 Aktiviti pelancongan –program *homestay*

Program *homestay* adalah satu pakej pelancongan di mana pelancong mempelajari cara hidup masyarakat setempat dengan tinggal bersama, melihat serta melakukan aktiviti-aktiviti sehari-hari masyarakat tersebut.

Permintaan terhadap pakej pelancongan ini semakin meningkat di mana ramai pelancong berminat untuk mengetahui dan mengalami kebudayaan dan cara hidup masyarakat yang lain. Menurut Norliza (2000), terdapat pelancong yang tidak berminat untuk tinggal di hotel kerana tidak berpeluang merasai dan mempelajari kebudayaan dan cara hidup sesebuah tempat yang mereka lawati. Oleh yang demikian, mereka memilih program yang berbentuk homestay ketika melawat sesebuah negara.

Homestay adalah konsep pelancongan yang masih baru di Malaysia. Aktiviti pelancongan ini menyediakan kemudahan penginapan dan makanan kepada

pelancong. Di samping itu pelancong juga akan dilayani seperti keluarga sendiri, di bawa melawat ke tempat-tempat menarik, dan melihat sendiri aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat setempat seperti bertani, kebudayaan dan kesenian, serta keunikan tempat tersebut.

Di Mukim Sungai Balang, projek program *homestay* diadakan di Kampung Sarang Buaya. Program *homestay* di Kampung Sarang Buaya mempunyai daya tarikan yang tersendiri di mana perkampungan yang menjajar sebatang sungai ini mempunyai sejarah dan legendanya. Antara aktiviti yang terdapat di dalam program *homestay* di Kampung Sarang Buaya ini ialah agro-pelancongan dan eko pelancongan.

1.2 Pernyataan Masalah

Memandangkan program peningkatan sains dan matematik seumpama ini masih di peringkat awal, tentunya terdapat kekurangan dari segi pengetahuan cara pengendaliannya dan perlaksanaannya.

Satu kajian perlu dilakukan untuk meninjau takat penglibatan pihak-pihak yang terlibat sebagaimana dalam senarai peranan dan tanggungjawab mereka. Ini adalah penting memandangkan program ini dilihat sebagai satu usaha yang berterusan. Kajian perlu diadakan bukan sahaja di peringkat perlaksanaan tetapi juga pada peringkat pengurusan.

Kajian ini dilakukan adalah untuk meninjau sejauh manakah takat penglibatan dari pihak yang terlibat iaitu ahli jawatan kuasa induk, jabatan kerajaan, ketua masyarakat, sektor swasta, badan profesional dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan Program Sukarelawan Sains dan Teknologi di DUN Sungai

Balang, Muar Johor dari segi peranan dan tanggungjawab mereka yang telah disenaraikan daripada perspektif fasilitator yang mengikuti program SS&T.

1.3 Matlamat Kajian

Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk menghasilkan satu rangka tindakan peranan dan tanggungjawab yang komprehensif untuk pihak yang terlibat dalam melaksanakan Program Sukarelawan Sains dan Teknologi ini yang diadakan di DUN Sg. Balang, Muar Johor.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk;

1. Mengenalpasti peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat iaitu ahli jawatan kuasa induk, ketua masyarakat, badan swasta, badan profesional dan badan bukan kerajaan (NGO).
2. Mengenalpasti setakat mana peranan dan tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh pihak yang terlibat.
3. Menyenaraikan semula peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat berdasarkan kebolehanlaksanaan pihak yang terlibat.
4. Menghasilkan satu rangka tindakan (*blueprint*) senarai peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat dalam melaksanakan Program Sukarelawan Sains dan Teknologi yang boleh digunakan oleh semua pihak yang berminat terhadap program dan sebagai program cadangan untuk aktiviti pelancongan.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian berikut,

1. Adakah peranan dan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terlibat ini?
2. Adakah peranan dan tugas yang diberikan bersesuaian dengan bidang dan kepakaran mereka?
3. Adakah objektif pelaksanaan program ini tercapai jika peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna?

1.6 Kepentingan kajian

Adalah menjadi harapan dari hasil kajian teknik pembelajaran koperatif dalam komuniti ini menjadi lebih baik dan sesuai diaplikasikan di negara kita. Walaupun kaedah ini bukanlah sesuatu yang baru, tetapi masih tidak ramai yang mengetahui dan memahaminya. Cara perlaksanaannya adalah amat penting untuk dikaji. Justeru itu kajian ini diharap dapat membantu perlaksanaan P&P secara koperatif dalam komuniti.

Kajian ini adalah penting untuk memastikan peranan dan tanggung jawab yang diberikan dapat dilaksanakan sebaiknya juga sebarang pengubah suai tugas dapat dilakukan sebelum peringkat kedua program ini diteruskan. Memandangkan program ini adalah perintis bagi program yang lain, usaha ini adalah penting dalam mencapai matlamat menubuhkan kesukarelawan Sains dan Teknologi DUN Sg.

Balang. Juga sebagai usaha untuk menggembangkan tenaga guru, ibu bapa, masyarakat dan pelajar dengan bantuan profesional untuk mencapai objektif yang dirancang.

Dengan adanya senarai peranan dan tanggungjawab yang dikemaskinikan ini, program-program yang akan dianjurkan lagi nanti dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna, terancang dan berarah kepada matlamat dan objektifnya. Rangka tindakan senarai peranan dan tanggung jawab ini juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk program-program yang akan datang dan sebagai aktiviti pelancongan yang menarik.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan dijalankan semasa pelaksanaan program pembelajaran secara koperatif dalam komuniti yang dibuat di daerah Muar, Johor dalam Program Sukarelawan Sains dan Teknologi kerja sama KUiTTHO dengan Kerajaan Negeri Johor. Pemerhatian dibuat kepada fasilitator program.

Di harap kajian ini mendapat sokongan sepenuhnya dari semua pihak dan dapat dijadikan panduan kepada pendidik. Ini adalah bertujuan untuk mempelbagaikan kaedah P & P sejajar dengan matlamat pendidikan sekarang ini untuk meningkatkan pencapaian pelajar terutama dalam mata pelajaran sains dan matematik serta meningkatkan keupayaan pelajar dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

Sejarah, latar belakang pelajar, fasilitator dan masyarakat serta budaya dan ciri-ciri tempat yang dikaji adalah diabaikan. Matlamat kajian ini juga adalah untuk meningkatkan peranan masyarakat dalam pendidikan sejagat.

1.8 Batasan Kajian

Kajian telah dilakukan terhadap satu kumpulan AJK program yang terlibat iaitu fasilitator. Keputusan ini diambil memandangkan masa dan kos yang agak tinggi diperlukan untuk menjalankan kajian kepada semua peringkat AJK yang terlibat dalam program SS&T. Walau bagaimanapun, adalah dilihat bahawa sampel kajian yang dipilih telah dapat memberikan respons terhadap kajian dan telah menjawab persoalan bagi kajian ini.


Fasilitator yang dipilih menjadi responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn di mana dengan pemilihan responden penyelidik dapat mengawal respon yang akan diberikan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai memandangkan program yang seumpama ini belum pernah dijalankan di Malaysia.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.9 Kerangka Teoritikal


Kerangka teoritikal dapat menerangkan kepentingan kajian ini kepada penyelidik. Di dalam kajian ini, kerangka teoritikal telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, kaedah pembelajaran di dalam bilik darjah, kaedah pembelajaran secara koperatif dan pembolehubah-pembolehubah kajian.



Secara dasarnya, kaedah belajar yang biasa diamalkan bagi pelajar-pelajar adalah kaedah belajar bilik darjah di mana pelajar akan tertumpu kepada pendidik (Sila rujuk Rajah 1.0). Nisbah pendidik dan pelajar yang tidak setara menyukarkan pendidik untuk menumpukan perhatian kepada pelajar di mana pelajar ramai dan pendidik tidak dapat membimbing pelajar secara individu. Oleh yang demikian, untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam pelajaran, kaedah belajar mereka perlu dipelbagaikan bersetujuan dengan persekitaran pelajar. Antara kaedah yang telah dikenal pasti dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar adalah dengan kaedah belajar secara koperatif.

Pembelajaran koperatif atau pembelajaran berkumpulan terbimbing dijalankan di mana pelajar dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan yang lebih kecil dan pendidik bertindak sebagai pembimbing (Sila rujuk Rajah 2.0). Pelajar belajar, berinteraksi, menyelesaikan masalah, dan saling bantu membantu antara lemah dan bijak bersama-sama rakan mereka. Pensyarah atau pendidik bertindak sebagai fasilitator atau pembimbing yang membantu pelajar dalam kumpulan-kumpulan tersebut dan penumpuan pendidik juga akan menjadi lebih setara.

Rajah 2.0: Interaksi dalam kaedah pembelajaran koperatif



Rujukan:

- Abdullah Sanusi Ahmad (1980). "Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia." Dewan Bahasa dan Pustaka.1980.
- Ariffudin Ibrahim, (2001). "Tinjauan Terhadap Kemahiran Belajar di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik KUiTTHO:Kesan Terhadap Prestasi Akademik Pelajar." Kolej universiti Teknologi Tun Hussein Onn, September 2001.
- Bryan,R.H. (1996). "The Global Structure of The Nature Tourism Industry: Ecotourists, Tour Operators, and Local Business." Journal of Tourism Research, Fall 1996.
- Ewant, Alan, Shultis,& John (1997). "Resourse-based Tourism: An Emerging Trend in Tourism Experience." Parks & Recreation, September1997, Vol.32, Issue 9,1997.
- Inskeep, Edward (1991). "Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach.",Canada. John Wiley & Sons,Inc
- Ismail Zain (2001). "Faedah Pembelajaran Koperatif Dalam Sistem Penilaian". Siri Pembelajaran Bistari: Utusan Malaysia, 28 Mac 2001.
- Joanne Kissey (2001). "Homestay an Experienceto Tourist". News Straits Times Press, 24 Februari 2001.
- Johnson, D. W. & Johnson, R.T (1994). "Learning Together and Alone: Cooperative, Competitive and Individualistic Learning." 4th cd.New Jersey:Prentice Hall,1994.

Johnson, D. W. & Johnson, R.T(2000). "Teaching Students To Be Peacemakers: A Result of Twelve Years of Research."June,2000.University of Minnesota

Johnson, D. W. & Johnson, R.T (2000)."Cooperative Learning Method: A Meta-Analysis."May,2000.University of Minnesota.

Johnson, D. W. & Johnson, R.T (2002)."What is Cooperative Learning?." Newsletter of The Cooperative Learning Institute.June 19,2002.

Johnson, D. W. & Johnson, R.T (2002). "An Overview of Cooperative Learning."
University of Minnesota, 2002.

Lihanna Borhan (2001). "Pembelajaran Koperatif Yang Berkesan.".Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.2001.

McNamara, S. & Maretan, G.(1998). "Understanding Differentiation: A Teachers Guide." Resources Material For Teacher.Britain: Bell & Bain,1998

McIntosh, Robert W.&Gupta Shashikant (1980). " Tourism: Principles, Practices and Philosophies." Ohio: Grid Publishing, Inc. Columbus,1980.

Muller, A. & Fleming, T.(2001). "Cooperative Learning: Listening To How Children Work At School." The Journal of Educational Research May/Jun 2001 .dipetik dari ProQuest Educational Journal, Perpustakaan KUiTTHO.

Mohd. Salleh Abas.(1988). "Kerajaan Negeri dan Tempatan." Dewan Bahasa dan Pustaka,1988.

Mohd. Ali Rustam.(2001). "Homestay Facility Can Boost Tourism." News Straits Times Press,19 Mac 2001.

Nor Azizah Salleh, Kamisah Osman & Zanaton Ikhwan (2001). " Modul Pembelajaran Koperatif untuk Institusi Pengajian Tinggi." Pembentangan Laporan Pendidikan Laluan Pantas.Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia. 1 Ogos 2001.Perpustakaan UKM.

Norliza Othman (2000). "The Local Resident's Perception Towards The Home Stay Program In Kampung Banghurst, Sepang."Jun 2000.Universiti Teknologi MARA

Rita Nursharizad, Nui Din Keraf & Norzalina Md. Yusof(2001). "Amalan Pembelajaran Koperatif Yang Berkesan Dalam Aktiviti Berkumpulan.".Mac 2001.Perpustakaan KUiTTHO.

Robert E. Slavin (1995). "Cooperative Learning." .2nd ed.Boston: Allgn & Bacon, 1995.

Sharifah Polai (2001). "Satu Kajian Terhadap Kepentingan Penghayatan dan Pengamalan Pembelajaran Koperatif Bagi Pelajar Sarjana Pendidikan PTV KUiTTHO." Sept.2001.Perpustakaan KUiTTHO.

Siti Rahayah Ariffin(1998). "Meningkatkan Kemahiran Saintifik dan Peranan Pembelajaran Koperatif Dalam Menggalakkan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Bestari." Seminar Kebangsaan Pendidikan 24-25 Oktober 1998.KUiTTHO

Salikon Sarpin, Azmi Khamis & rakan-rakan (tidak bertarikh). Jawatankuasa Kesukarelawan Sains dan Teknologi DUN Sungai Balang. Kertas Kerja , Kerajaan Negeri Johor.

Sager Ahmad (2002), "Enjoy the Flavour of Kampung Living." :News Strait Time Press, 2Februari 2002.

Shahidan Kassim (2002), "Five To manage homestay programmes." News StraitsTimes: World MagazineBank, 2002.

Tudge,J. & Caruso, D.(1989), "Coperative Problem Solving in the Classroom." Eric Digest ,1989.

Temu bual bersama En. Giman Ibrahim,Penghulu Mukim Seri Menanti pada 6 Januari 2003.

Temu bual bersama En. Zulkifli ,Penghulu Mukim Sungai Balang pada 21 Januari 2003.

Temu bual bersama wakil Penghulu Mukim Parit Jawa pada 8 Januari 2003.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH